

Pelajar perubatan UMS dekati masyarakat Kg Kituau


UB 6.4.2019 A8

Oleh YAP SIONG HAN

KOTA KINABALU: Siswa perubatan Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Persatuan Pelajar Perubatan Asia (AMSA) Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) mendekati masyarakat Kampung Kituau, Penampang melalui penganjuran program promosi kesihatan H.O.P.E. Project yang diadakan bermula 5 sehingga 8 April ini.

Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar FPSK UMS Dr Yeap Boon Tat berkata, H.O.P.E. Project yang diilhamkan daripada singkatan perkataan Inggeris iaitu Kesihatan (Health), Kekayaan (Opulence), Orang (People) dan Pendidikan (Education) diadakan bagi meningkatkan kesedaran kesihatan dalam kalangan penduduk kampung.

"H.O.P.E. Project adalah satu program baru dan unik yang bertindak sebagai satu platform untuk menjalinkan hubungan persahabatan dan memperkukuh kemahiran



YEAP (lima kanan) merakamkan gambar kenangan bersama para peserta projek.

dalam bidang klinikal para siswa.

"Saya berharap agar pelajar-pelajar perubatan yang terlibat dapat menggunakan masa dengan sebaiknya bagi menabur bakti kepada penduduk setempat, dan diharapkan ilmu kesihatan yang disampaikan oleh para pelajar ini dapat dimanfaatkan

dengan sepenuhnya oleh para penduduk kampung itu," katanya ketika berucap pada pelancaran program itu di FPSK UMS pada Jumaat.

Beliau berkata, seramai 56 orang siswa-siswi termasuk pelajar dari beberapa universiti terkemuka di Malaysia telah melibatkan diri di dalam program itu.

"Selain pelajar UMS, terdapat pelajar dari Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Monash, Universiti UCSI, Universiti MAHSA, dan Universiti Newcastle terlibat dalam program ini.

"Selain itu, 11 pelajar perubatan dari Zunyi Medical University dari



ANTARA peserta yang menyertai projek itu.

daerah Guizhou, China turut bersama menjayakan H.O.P.E. Project.

"Saya bagi pihak Dekan FPSK Prof Dr Mohd Saffereef Jefree, amat berterima kasih kepada Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D. Kamaruddin D. Mudinkeran telah memberi peluang kepada AMSA FPSK untuk menjayakan program

yang murni ini.

"Diharapkan agar pihak tertinggi UMS akan sentiasa menyokong aktiviti sosial dan kemasyarakatan pelajar-pelajar perubatan FPSK UMS," katanya.

Selain Kampung Kituau, H.O.P.E. Project akan diadakan di beberapa lokasi sekitar Penampang seperti

Tamu Donggongan, Sekolah Kebangsaan St. Aloysius Limbanak dan Sekolah Menengah Kebangsaan Limbanak.

Pelbagai aktiviti diadakan sepanjang empat hari program itu antara lain adalah saringan kesihatan, ceramah-ceramah kesihatan dan pendidikan kesihatan seks.